



**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN POLITENIK**

JPP-SH01/2017

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI
PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI
POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**

DOKUMEN SEBUT HARGA

TARIKH IKLAN	14 Mac 2017
TARIKH TUTUP	27 Mac 2017
TARIKH TAKLIMAT	TARIKH : 20 MAC 2017 (ISNIN) MASA : 09.30 PAGI TEMPAT : BILIK MESYUARAT ARAS 3, ARAS 3, GALERIA PJH, JALAN P4W, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100 W.P. PUTRAJAYA
KOD BIDANG	210102 ATAU 210105
NEGERI PENDAFTARAN PEMBEKAL (MOF)	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor sahaja

PERINGATAN:

- 1. Penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan tawaran melalui Borang Sebutharga.***
- 2. Kerajaan tidak melantik mana-mana individu atau syarikat yang bertindak sebagai orang ketiga di dalam Sebutharga dan / atau perjanjian ini. Sekiranya Penyebutharga mempunyai sebarang permasalahan berkaitan Sebutharga ini hendaklah dirujuk terus kepada pihak Kerajaan.***

ISI KANDUNGAN

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

BIL	PERKARA	M/S
1	Kenyataan Tawaran Sebut Harga	1
2	Arahan Penyebut Harga	2
3	Syarat-Syarat Sebut Harga	6
4	Syarat-Syarat Am	11
5	Senarai Semak (Lampiran A)	14
DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN		
6	Borang Sebut Harga (Lampiran Q)	15
7	Jadual Kadar Harga (Lampiran B)	17
8	Surat Akuan Penyebutharga (Lampiran C)	18
9	Maklumat Penyebutharga (Lampiran D)	19
10	Maklumat Pengalaman Penyebutharga (Lampiran E) * Salinan Surat Setuju Terima bagi setiap perkhidmatan yang pernah dilaksanakan atau dokumen lain sebagai bukti pengalaman Penyebut Harga (jika ada). Pengalaman tanpa bukti sokongan tidak akan diambil kira.	20 -Sila Lampirkan-
11	Dokumen Sokongan : - Salinan Sijil Bumiputera dengan Kementerian Kewangan - Salinan Sijil Pendaftaran Kod Bidang dengan Kementerian Kewangan - Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut Harga - * Profil Syarikat Lain-lain dokumen berkaitan (jika ada)*	 -Sila Lampirkan-
DOKUMEN TAWARAN TEKNIKAL		
12	Jadual Pematuhan Spesifikasi (Lampiran F)	21
13	Brosur / Katalog bagi produk yang ditawarkan	-Sila Lampirkan-

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa secara terbuka kepada syarikat / pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang beralamat pendaftaran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor sahaja di bawah

<u>Kod</u>	<u>Bidang</u>
210102	- Hardware (high end technology) – All types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance
	atau
210105	- Telecommunication/networking-supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/internet/wireless/satellite)

serta masih sah pendaftarannya dan boleh membuat capaian penggunaan sistem ePerolehan (eP) *enabled* untuk menyertai sebut harga berikut untuk menyertai sebut harga berikut

**NO. SEBUT HARGA : JPP-SH01/2017
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI
PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI
POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**

Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi secara atas talian di www.eperolehan.gov.my (pembekal yang berdaftar dan boleh membuat capaian penggunaan sistem ePerolehan sahaja) mulai **14 Mac 2017 (Selasa)**. Bagi syarikat-syarikat yang berminat menyertai sebut harga di atas, sila layari laman web www.eperolehan.gov.my

Sebut harga ini dibuka pada **14 Mac 2017 (Selasa)** sehingga **27 Mac 2017 (Isnin)**. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dikemukakan ke dalam Sistem eP dan juga dengan memasukkan ke dalam peti sebut harga seperti alamat di bawah tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada **27 Mac 2017**. Sebut Harga yang lewat tidak akan diterima. Sampul Sebut Harga hendaklah dicatatkan tajuk Sebut Harga di penjuru atas kiri sampul surat dialamatkan kepada:

**Urusetia Perolehan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Pendidikan Politeknik
Aras 5, Galeria PjH
Presint 4, 62100
PUTRAJAYA**

Sebarang pertanyaan berkaitan spesifikasi sila hubungi pengawai JPP **En. Tajul Ariffin Bin Mohamed Ariff 03-88919233 / En. Ibrahim Bin Husin 03-8891 9269**.

Tarikh : **14 Mac 2017**

ARAHAN PENYEBUTHARGA

1. PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebutharga adalah dipelawa dan terbuka kepada semua syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan masih sah tempohnya di bawah pecahan kepala **210102** atau **210105** beralamat pendaftaran di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Selangor; dan ePerolehan *enabled* bagi perolehan berikut:

SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Bil	Peralatan	Jumlah
i.	<i>Server A</i>	4 unit
ii.	<i>Server B</i>	1 unit
iii.	<i>Server C</i>	1 unit
iv.	<i>Storage Server</i>	1 unit
v.	<i>Firewall</i>	1 unit
vi.	<i>UPS</i>	2 unit
Bil	Perisian	Jumlah
vii.	<i>Antivirus For Server</i>	10 unit
viii.	<i>SPA Software</i>	1 unit
ix.	<i>System Downtime Alert</i>	10 unit

2. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 2.1 Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.
- 2.2 Penyebut Harga hendaklah melengkapkan maklumat dan menandatangani setiap borang / lampiran serta menyediakan dokumen sokongan berdasarkan senarai semak yang disertakan bersama dengan sempurna.
- 2.3 Sebut Harga hendaklah dibuat dengan mengisi borang-borang yang disediakan sahaja. Sekiranya tidak mencukupi, maka penggunaan lampiran tambahan adalah dibenarkan.
- 2.4 Borang hendaklah diisi menggunakan tulisan tangan yang kemas dan mudah dibaca menggunakan dakwat yang tidak luntur atau dengan komputer. Sekiranya berlaku kesilapan, Penyebut Harga hendaklah memotong kesilapan tersebut, ditandatangani ringkas serta dicop dengan cop syarikat. Penggunaan pemadam cecair atau seumpama dengannya adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 2.5 Semua borang yang memerlukan tandatangan hendaklah mempunyai cop syarikat dan ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa menandatangani kontrak.
- 2.6 Penyebut Harga adalah dilarang sama sekali untuk mengurang, menambah, mengubah atau merungkai dokumen ini daripada keadaan asal.

2.7 Sekiranya terdapat perbezaan antara harga yang ditawarkan dalam mana-mana dokumen ini maka harga yang dinyatakan dalam sistem eP akan diambil kira.

3. CADANGAN SEBUT HARGA

Cadangan Sebutharga hendaklah dibuat pada Jadual Kadar Harga dan Jadual Pematuhan Spesifikasi.

4. ANGGARAN KEPERLUAN

Kuantiti yang diperlukan serta maklumat terperinci mengenai keperluan perkakasan dan perisian adalah seperti yang dinyatakan di Jadual Pematuhan Spesifikasi.

5. CARA PESANAN

Tertakluk kepada apa-apa arahan yang dikeluarkan, penyebutharga hendaklah membekalkan peralatan yang disenaraikan/ditawarkan untuk Jabatan Pendidikan Politeknik.

6. PERCANGGAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Jika penyebut harga mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, penyebut harga hendaklah merujuk kepada Pegawai JPP untuk mendapatkan keputusan.

7. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

7.1 Penyerahan Dokumen Tawaran Secara Dalam Talian

Penyebutharga hendaklah mengunci masuk (*key-in*) Cadangan Tawaran Teknikal dan Kewangan serta memuat naik (*upload*) dokumen-dokumen berikut tanpa membuat pengubahsuaian kepada dokumen asal ke dalam sistem ePerolehan melalui Medium Akses ePerolehan Penyebutharga:-

- i. **Lampiran B** : Jadual Kadar Harga (WAJIB); dan
- ii. **Lampiran E** : Jadual Pematuhan Spesifikasi (WAJIB);

Tawaran sebut harga perlu dikunci masuk (*key-in*) masuk dalam sistem ePerolehan tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari **27 Mac 2017 (Isnin)**

7.2 Penyerahan Dokumen Tawaran Secara Manual

(a) Dokumen-dokumen **WAJIB** yang perlu dihantar secara manual adalah :

Cadangan Tawaran Teknikal

Bil	Jenis Dokumen	Semak
1	Lampiran A : Senarai Semak	
2	Lampiran F : Jadual Pematuhan Spesifikasi	
3	Brosur / Katalog	

Cadangan Tawaran Kewangan

Bil	Jenis Dokumen	Semak
1	Lampiran A : Senarai Semak	
2	Lampiran B : Jadual Kadar Harga	
3	Lampiran C : Surat Akuan Pembida	
4	Lampiran D : Maklumat Penyebutharga	
5	Lampiran E : Maklumat Pengalaman Penyebutharga	
6	Lampiran Q : Borang Sebut Harga	
7	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	
8	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (Senarai Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan)	
9	Sijil Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan	
10	Salinan Penyata Akaun Bank 3 Bulan Terakhir	
11	Bukti Salinan Dokumen Pengalaman	
12	*Profil Syarikat	

Cadangan Tawaran Kewangan dan Cadangan Tawaran Teknikal hendaklah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan yang dicatatkan seperti berikut :

CADANGAN TAWARAN TEKNIKAL

NO. CADANGAN : Y035106010114XXXX

JPP-SH01/2017

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG
DAN MENGUJILARI PERALATAN DAN PERISIAN ICT
UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI
POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**

DAN

CADANGAN TAWARAN KEWANGAN

NO. CADANGAN : Y035106010114XXXX

JPP-SH01/2017

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG
DAN MENGUJILARI PERALATAN DAN PERISIAN ICT
UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI
POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**

Kedua-dua sampul surat ini pula hendaklah dimasukkan dalam satu (1) sampul surat yang berlakri beserta dengan dokumen sokongan lain dan dicatatkan seperti berikut : -

**SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MEMASANG DAN MENGUJILARI PERALATAN DAN
PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS
TALIAN DI POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN
POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
MALAYSIA**

Pihak Kerajaan berhak menolak mana-mana dokumen tawaran yang tidak mematuhi arahan atau syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini. Semua dokumen tawaran hendaklah dialamatkan kepada:-

Urusetia Perolehan

Jabatan Pendidikan Politeknik
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 5, Galeria PjH
Persiaran Perdana, Presint 4
62100, W.P. Putrajaya
No Telefon : 03-8891 9000
Faks : 03-8891 9300

- (b) Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan atau percanggahan maklumat, pihak Kerajaan akan merujuk kepada maklumat atas talian Sistem ePerolehan dan salinan ini adalah sah dan boleh diterima.
- (c) Jika dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (d) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. PERATURAN MENYERTAI SEBUT HARGA

- 1.1 Penyebutharga hendaklah memenuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai Sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebutharga tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak.
- 1.2 Sebutharga dipelawa daripada syarikat-syarikat yang layak sahaja.
- 1.3 Tawaran hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang disediakan di dalam dokumen Sebut harga ini di mana berkenaan.
- 1.4 Sistem ePerolehan tidak akan menerima tawaran Sebutharga selepas tarikh tutup iklan.

2. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

3. PEMBERITAHUAN TAWARAN

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku sebut harga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

4. TEMPOH JAMINAN

Perkakasan yang ditawarkan mestilah meliputi tempoh jaminan tidak kurang dari dua belas (12) bulan dari Tarikh Penerimaan Akhir. Dalam tempoh jaminan ini semua khidmat baik pulih, penyenggaraan dan penggantian alat-alat yang rosak hendaklah diberi tanpa dikenakan sebarang kos. Pembaikan ini hendaklah dilaksanakan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas menerima notis pemberitahuan. Sekiranya perkakasan tidak dapat berfungsi selama tujuh puluh dua (72) jam, penyebutharga hendaklah menggantikan perkakasan tersebut dengan perkakasan yang sama spesifikasi. Sekiranya penyebutharga tidak menggantikan perkakasan dalam tempoh tersebut, denda lewat akan dikenakan. Kerajaan juga berhak untuk melantik pihak ketiga untuk membaiki perkakasan tersebut dan kosnya akan dicaj kepada penyebutharga.

5. TEMPOH PEMBEKALAN BARANG DAN PEMASANGAN PERALATAN

- 5.1 Penyebutharga hendaklah menyempurnakan bekalan / perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tempoh seperti yang ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima yang ditandatangani. Jabatan Pendidikan Politeknik akan memaklumkan secara bertulis tarikh tersebut. Penerimaan Awal bermaksud sekiranya peralatan tersebut berfungsi dengan sempurna dan *down time* tidak melebihi 5%. *Downtime* bermaksud tempoh apabila peralatan tidak dapat berfungsi kerana sistem *breakdown*.

- 5.2 Penyebutharga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi perkhidmatan bekalan tersebut ke lokasi penghantaran yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan.
- 5.3 Penyebutharga adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat daripada pelaksanaan bekalan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.
- 5.4 Pemasangan hendaklah dilakukan semasa waktu bekerja.

6. PENERIMAAN AWAL (*PROVISIONAL ACCEPTANCE*)

Penyebutharga dikehendaki membenarkan Jabatan Pendidikan Politeknik menjalankan ujian ke atas perkakasan dan perisian yang dibekalkan untuk tempoh tiga puluh hari (30) hari daripada tarikh siap pemasangan. Penerimaan Awal bermaksud sekiranya peralatan tersebut berfungsi dengan sempurna dan *down time* tidak melebihi 5%. *Downtime* bermaksud tempoh apabila peralatan tidak dapat berfungsi kerana sistem *breakdown*.

7. PENERIMAAN AKHIR (*FINAL ACCEPTANCE*)

Jabatan Pendidikan Politeknik akan menggunakan peralatan tersebut untuk tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh Penerimaan Awal. Dalam tempoh tersebut, penyebutharga bertanggungjawab membetulkan sebarang kelemahan yang dikesan. Jabatan Pendidikan Politeknik akan memaklumkan secara bertulis tarikh Penerimaan Akhir sekiranya dalam tempoh berkenaan peralatan tersebut berfungsi dengan sempurna dan *downtime* tidak melebihi 1%.

Sekiranya peralatan tersebut gagal memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki walaupun kerja-kerja pembaikan telah dijalankan oleh penyebut harga dalam tempoh yang telah dinyatakan, Jabatan Pendidikan Politeknik berhak mendapat gantian peralatan. Sekiranya peralatan tersebut perlu diganti dengan yang lain, pihak penyebutharga hendaklah menanggung segala kos yang terlibat. Jabatan Pendidikan Politeknik mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh ujian sekiranya terdapat sebarang peralatan yang tidak berfungsi kerana kesilapan / kelemahan dalam pemasangan, mutu kerja (*workmanship*) atau pada peralatan.

8. UJIAN KE ATAS PERALATAN

Semua peralatan yang dibekalkan untuk digunakan akan diuji mengikut prosedur yang ditetapkan Jabatan Pendidikan Politeknik. Penyebut harga hendaklah menyediakan sokongan kepakaran untuk ujian-ujian tersebut di atas.

9. LARANGAN KEPADA PENYEBUT HARGA

- 9.1 Menarik diri sebelum / selepas keputusan Sebut Harga dibuat.
- 9.2 Membuat pakatan harga.
- 9.3 Memalsukan maklumat atau menyorokkan maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya) dengan tujuan menyertai Sebut Harga.
- 9.4 Mengemukakan beberapa pilihan tawaran.

10. PERTANYAAN (*ENQUIRIES*)

Sebarang pertanyaan teknikal berkenaan sebut harga ini boleh disalurkan kepada alamat dibawah sebelum tamat tempoh penyerahan tawaran sebut harga.

Ketua Pengarah

Jabatan Pendidikan Politeknik
Aras 3-5, Galeria PjH, Jalan P4W,
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya
(u.p. Encik Ibrahim Bin Husin)

No Telefon : 03- 8891 9269
Faks : 03- 8891 9316
Emel : ibrahim.husin@mohe.gov.my

Sebarang pertanyaan berhubung dengan masalah pengendalian sistem ePerolehan hendaklah menghubungi alamat di bawah:

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

Second Floor, Bangunan Amtek
15 Jalan Tandang
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
No Telefon : 03 7985 7777 (Bagi Pembekal)
Faks : 03-7985 7800
Emel : bantuan@ePerolehan.gov.my

Waktu Pejabat : 9:00 pagi - 5:30 petang (Isnin hingga Jumaat)
ATAU eP Shoppe di Kementerian Kewangan Malaysia :

Kaunter Perkhidmatan ePerolehan

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan
Tingkat Bawah, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Precinct 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
No Telefon : 03-88925490
Faks : 03-88925588

Waktu Pejabat : 7:30 pagi - 5:00 petang (Isnin hingga Jumaat)

13. DENDA LEWAT

- 13.1 Sekiranya peyebutharga gagal menyempurnakan pembekalan, pemasangan serta pembaikan peralatan pada tarikh pembekalan dan pembaikan yang dipersetujui, penyebutharga adalah dikehendaki membayar pampasan wang yang berjumlah satu peratus (1%) daripada nilai harga perkakasan dan perisian yang lewat dihantar atau diperbaiki untuk setiap hari.
- 13.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, Jabatan Pendidikan Politeknik boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat penyebutharga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

14. TINDAKAN TATATERTIB / PEMBATALAN PENDATARAN KONTRAKTOR

Jika mana-mana penyebutharga;

- 14.1 Menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh Sah Laku Tawaran Sebutharga atau apa-apa tempoh lanjutan; atau
- 14.2 Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi menyerahkan Sebutharga (dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan enggan dan tidak melaksanakan perjanjian kontrak yang normal atau menandatangani bon pelaksanaan Kerajaan tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, mengambil tindakan tatatertib terhadap penyebutharga atau memperakukan kepada pihak berkuasa supaya membatalkan pendaftaran penyebutharga sebagai kontraktor Kerajaan).

15. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 15.1 Spesifikasi bagi perkakasan dan perisian yang diperlukan adalah dinyatakan di dalam **Lampiran F**. Penyebutharga yang menawarkan spesifikasi yang lebih rendah daripada spesifikasi minimum yang ditetapkan akan ditolak.
- 15.2 Perkakasan / Perisian yang ditawarkan hendaklah berjenama asal / asli dan bukannya klon.
- 15.3 Sebarang tuntutan kenaikan harga bagi mana-mana alat akibat daripada perbezaan antara pentafsiran Jabatan Pendidikan Politeknik mengenai spesifikasi perkakasan dan perisian yang berkenaan tidak akan dilayan.
- 15.4 Keutamaan adalah kepada peralatan yang mempunyai elemen cekap tenaga dan mesra alam.
- 15.5 Peralatan yang dibekalkan mestilah mempunyai elemen hijau.

16. KONTRAK DISEBABKAN KESALAHAN RASUAH, AKTIVITI HARAM DAN TIDAK SAH DI SISI UNDANG-UNDANG

- 16.1 Tanpa sebarang prejudis di pihak KERAJAAN, jika pihak pembekal, atau mana-mana kakitangannya disabitkan oleh mahkamah undang-undang diatas kesalahan rasuah, aktiviti haram atau yang tidak sah di sisi undang-undang berkaitan dengan kontrak ini atau mana-mana kontrak yang pihak pembekal terikat dengan pihak KERAJAAN, pihak KERAJAAN berhak untuk menamatkan kontrak pada bila-bila masa, dengan memberikan notis bertulis berkuatkuasa serta merta kepada pihak pembekal.
Without prejudice to any other right of the GOVERNMENT, if the CONTRACTOR, its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this Contract or any other agreement that the CONTRACTOR may have with the GOVERNMENT, the GOVERNMENT shall be entitled to terminate the Contract at any time, by giving immediate written notice to that effect to the CONTRACTOR.
- 16.2 Disebabkan penamatan tersebut, pihak KERAJAAN mempunyai hak ke atas kerugian, kos, kemusnahan dan perbelanjaan (termasuk kos dan perbelanjaan

sampingan) yang dihadapi oleh pihak KERAJAAN akibat daripada penamatan tersebut.

Upon such termination the GOVERNMENT shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the GOVERNMENT arising from such termination.

- 16.3 Bagi tujuan mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak KERAJAAN dan pembekal telah bersetuju bahawa pihak pembekal tidak mempunyai hak ke atas mana-mana bentuk kerugian termasuk kehilangan profit, kemusnahan, tuntutan atau sebarang jenis berkaitan dengan penamatan kontrak ini.

For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the CONTRACTOR shall not be entitle to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this Contract.

* Hendaklah diisi oleh pegawai mengurus sebut harga

* Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan ditempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulin, baru dan belum digunakan.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Sebut Harga oleh Penyebut Harga juga hendaklah mengambil kira fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik sebanyak 0.8% bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan.
- 2.2 Semua tawaran harga (pembelian terus, lantikan terus, sebut harga dan tender) oleh syarikat hendaklah dikemukakan tanpa dikenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).
- 2.3 Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran GST kepada Agensi.
- 2.4 Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar GST dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri akan mengeluarkan SST/Pesanan Tempatan/Inden Kerja kepada syarikat dengan tawaran harga termasuk dikenakan GST.
- 2.5 Bagi syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta GST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar GST setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka syarikat hendaklah:
 - (i) memaklumkan dengan segera kepada Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta GST; dan
 - (ii) membuat permohonan untuk pelarasan bagi dikenakan GST. Pelarasan harga dikenakan GST hendaklah dimuktamadkan oleh Pegawai Pengawal.

3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebutharga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa barang / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutarganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja Pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah dimasukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga

SENARAI SEMAK

JPP-SH01/2017
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI
PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI
POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

Sila sertakan dokumen seperti dalam senarai semakan ini beserta dengan tawaran sebutharga.

Bil.	Perkara	Dokumen Tawaran Teknikal (Diisi oleh Penyebutharga)	Dokumen Tawaran Kewangan (Diisi oleh Penyebutharga)	JK Pembuka
1.	Lampiran F :Jadual Pematuhan Spesifikasi			
2.	Brosur / Katalog			
3.	Lampiran B : Jadual Kadar Harga			
4.	Lampiran C : Surat Akuan Pembida			
5.	Lampiran D : Maklumat Penyebutharga			
6.	Lampiran E : Maklumat Pengalaman Penyebutharga			
7.	Lampiran Q : Borang Sebut Harga			
8.	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)			
9.	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (Senarai Kod Bidang Bekalan/Perkhidmatan)			
10.	Sijil Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan			
11.	*Profil Syarikat			

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa pembukaan sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.(jika ada).

Pengerusi :

Ahli 1 :

Ahli 2 :

Tarikh :

LAMPIRAN Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebutharga: JPP-SH01/2017

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon.....

.....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan

.....

.....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan

dengan pembelian ini : *210102 / 210105*

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh :

Jabatan Pendidikan Politeknik

Aras 3-5, Galeria PJH, Jalan P4W,

Persiaran Perdana, Presint 4,

62100, W.P. Putrajaya

No. Telefon. **03-8891 9000**

Tarikh: _____

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah

tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan **- seperti di dalam dokumen sebutharga -**

1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan **- maksimum empat (4) minggu -**

1.3 Arahan Pengirim **- ePerolehan dan serahan tangan -**

1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Sebutharga **JPP-SH01/2017**

1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **27 Mac 2017 (Isnin)**

1.6 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah **90 (sembilan puluh)** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:

Tandatangan

Nama Pegawai

Jawatan

Bil	Perihal barang-barang/perhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
	SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUKKEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA				
	<i>i. Server A</i>	Unit	4		
	<i>ii. Server B</i>	Unit	1		
	<i>iii. Server C</i>	Unit	1		
	<i>iv. Storage Server</i>	Unit	1		
	<i>v. Firewall</i>	Unit	1		
	<i>vi. UPS</i>	Unit	2		
	<i>vii. Antivirus For Server</i>	Unit	10		
	<i>viii. SPA Software</i>	Unit	1		
	<i>ix. System Downtime Alert</i>	Unit	10		
				JUMLAH	

*Pihak tuan adalah diingatkan tentang fi perkhidmatan bagi transaksi secara elektronik melalui Sistem ePerolehan adalah sebanyak 0.8% bagi setiap Pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi Pesanan Kerajaan melebihi RM1.2 juta. Semua pembekal sewajarnya sedia maklum mengenai fi yang dikenakan ini dengan syarat pengenaan fi perkhidmatan tersebut termaktub dalam Terma dan syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem ePerolehan. Justeru harga yang ditawarkan hendaklah meliputi kenaikan 'charge' sebanyak 0.8%

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih serta tanpa kenaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST); dan
- (ii) Tempoh Penyerahan/Penyempurnaan ialah.....(Sila Nyatakan)

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga.....

Nama dan K/P.....

AlamatSyarikat.....

.....

Tarikh.....

JADUAL KADAR HARGA

JPP-SH01/2017
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI
PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI
POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

BIL	JENIS PERKAKASAN / PERISIAN	KUANTITI	JUMLAH HARGA (RM)
1.	<i>Server A</i>	4 unit	
2.	<i>Server B</i>	1 unit	
3.	<i>Server C</i>	1 unit	
4.	<i>Storage Server</i>	1 unit	
5.	<i>Firewall</i>	1 unit	
6.	<i>UPS</i>	2 unit	
7.	<i>Antivirus For Server</i>	10 unit	
8.	<i>SPA Software</i>	1 unit	
9.	<i>System Downtime Alert</i>	10 unit	
JUMLAH NILAI KESELURUHAN			
Tempoh Penyerahan (Sila nyatakan)	 Hari / Minggu / Bulan	

Keseluruhan Jumlah Harga adalah sebanyak: (Dengan Perkataan). **Ringgit Malaysia**

.....

 ..

Dengan ini Saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar dan semua harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos yang terlibat dalam menyempurnakan segala skop perkhidmatan yang diperlukan oleh sebut harga ini. Harga yang ditawarkan juga adalah tanpa kenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Tandatangan : Cop Rasmi Syarikat :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

JPP-SH01/2017
SEBUT HARGA MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGUJILARI
PERALATAN DAN PERISIAN ICT UNTUK KEGUNAAN SISTEM ATAS TALIAN DI
POLITEKNIK DAN JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA

